BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Buletin Suku Tahunan

## BNM

Bil. 37 No. 3

Suku Ketiga 2022

S3

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

*Halaman sengaja dikosongkan.*

# Kandungan


**MS 5** Sorotan Penting

**MS 7** Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

**MS 11** Perkembangan Ekonomi Malaysia

*MS 25* *Rencana: Trend Harga Komoditi Global, Dinamik Inflasi dan Tindak Balas Dasar: Kajian di Malaysia*

**MS 35** Perkembangan Monetari dan Kewangan

**MS 41** Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

**MS 43** Tinjauan Makroekonomi

**MS 45** Tambahan

*Halaman sengaja dikosongkan.*

# Sorotan: S3 2022

## Pengembangan kukuh sebanyak 14.2% pada S3 2022

### Permintaan dalam negeri dan luaran terus menggalakkan

**KDNK Benar**




Suku tahun ke suku tahun (terlaras secara bermusim)
Perubahan tahunan (%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Faktor-faktor yang mempengaruhi KDNK pada S3 2022...**

**Perbelanjaan isi rumah yang kukuh**
Penggunaan Swasta:
+15.1%

**Perbelanjaan modal yang lebih tinggi**
Pembentukan Modal Tetap Kasar:
+13.1%

**Permintaan eksport yang mantap**
Eksport Barangan & Perkhidmatan:
+23.9%

**...dan sebahagiannya didorong kesan asas**

## Inflasi keseluruhan mungkin berada pada tahap tertinggi tahun ini pada S3 2022

**Inflasi**
Perubahan tahunan (%),
Sumbangan kepada inflasi keseluruhan
(mata peratusan)




Inflasi teras (mata peratusan)
Barangan yang harganya tidak menentu (mata peratusan)
Barangan lain yang harganya ditadbir kecuali bahan api (mata peratusan)
Bahan api (mata peratusan)

*Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

**Faktor yang mempengaruhi inflasi pada S3 2022:**

**Inflasi teras yang lebih tinggi***
Didorong oleh permintaan yang terus bertambah baik dalam keadaan persekitaran kos yang tinggi.

**Kesan asas daripada harga elektrik**
Kesan asas daripada diskaun harga elektrik pada tahun 2021 menyumbang sebanyak 0.5 mata asas kepada inflasi keseluruhan.

## Kekukuhan dolar AS menyebabkan nilai mata wang utama dan serantau menyusut

### Penyusutan nilai ringgit sejajar dengan mata wang serantau

**Pergerakan Indeks Dolar AS, Ringgit & Mata Wang Serantau berbanding dengan USD (%)**




Indeks Dolar AS
Ringgit
Mata Wang Serantau*

*Negara serantau terdiri daripada Indonesia, Filipina, Korea, Singapura, dan Thailand.
** FCY merujuk kepada "dalam denominasi mata wang asing", *foreign currency*
Sejak awal tahun hingga 9 November 2022.
Sumber: Bank Negara Malaysia

**Daya tahan luaran Malaysia akan terus mengurangkan limpahan yang teruk kepada ekonomi**

**Aset luaran FCY** yang besar melebihi liabiliti luaran FCY**

**Permodalan sistem perbankan yang kukuh**
Tiada kebergatungan yang tinggi terhadap pembiayaan luaran bagi menyokong pengantaraan kewangan.

**Risiko daripada hutang FCY sebahagian besarnya dibendung**
Lebih separuh daripada hutang FCY tertakluk pada perlindungan kehematan & syarat yang fleksibel.

*Halaman sengaja dikosongkan.*

# Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

## Sorotan

- Pertumbuhan global sederhana pada suku ketiga tahun 2022.
- Eksport serantau berkembang dengan agak sederhana.
- Pasaran kewangan global terus tidak menentu.

### Ekonomi global terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih perlahan

Pertumbuhan global terus sederhana pada suku ketiga tahun 2022. Tekanan inflasi terus tinggi berikutan kenaikan harga komoditi dan pasaran pekerja yang ketat, meskipun keadaan rantaian bekalan global bertambah baik. Kesannya, bank-bank pusat membuat pelarasan selanjutnya terhadap penetapan dasar monetari bagi mengurangkan tekanan inflasi. Inflasi dan harga tenaga yang tinggi telah menjejaskan kegiatan ekonomi. Aktiviti perkilangan dan perkhidmatan semakin perlahan, khususnya dalam ekonomi maju. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini sebahagiannya diimbangi oleh perkembangan positif berkaitan COVID-19 di Asia, apabila China dan China Taipei beransur pulih daripada gangguan akibat COVID-19 pada suku sebelumnya. Selain itu, pertumbuhan beberapa ekonomi ASEAN telah disokong oleh kesan asas daripada sekatan pergerakan yang dikenakan pada tempoh yang sama pada tahun 2021.

R1 **Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih**

**Perubahan tahunan (%)**




Sumber: Pihak berkuasa negara

## Eksport serantau berkembang dengan sederhana

Eksport serantau mencatatkan pertumbuhan sederhana sepanjang suku ketiga tahun 2022 berikutan permintaan global yang lebih perlahan.

Peralihan permintaan daripada barangan kepada perkhidmatan terus menjejaskan pertumbuhan eksport. Penurunan permintaan paling ketara dalam sektor elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E). Namun begitu, harga komoditi yang tinggi memberikan sokongan kepada eksport komoditi.

R2 **Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)**




Sumber: Pihak berkuasa negara

## R3 Indeks Volatiliti (VIX) CBOE




Sumber: Bloomberg

### Pasaran kewangan global terus tidak menentu

Secara purata, volatiliti pasaran kewangan global kekal tinggi pada suku ketiga (VIX CBOE, S3 2022: 24.8; S2 2022: 27.4; Purata 2011-2019: 16.2). Pada bulan Julai dan awal bulan Ogos, volatiliti pasaran kewangan global menjadi sederhana sebagai tindak balas kepada inflasi yang lebih rendah daripada jangkaan di AS. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua suku itu, volatiliti kembali ketara berikutan ketidakpastian yang meningkat berhubung dengan kadar Federal Reserve (Fed) AS mengetatkan dasar monetarinya. Indeks mencapai paras tertingginya dalam tempoh 3 bulan selepas Fed mengumumkan kenaikan 75 mata asas buat kali ketiga dan memberikan isyarat kadar penamat (*terminal rate*) yang lebih tinggi. Pasaran kewangan turut terjejas akibat harga komoditi yang tidak menentu serta kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global yang semakin lemah.

Harga minyak mentah Brent menurun kepada purata USD98 setong pada suku ketiga tahun 2022 (purata S2 2022: USD112 setong), disebabkan oleh kebimbangan terhadap permintaan minyak yang lebih rendah berikutan pertumbuhan global menjadi sederhana.

*Halaman sengaja dikosongkan.*

# Perkembangan Ekonomi Malaysia

## Sorotan

- Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 14.2% pada suku ketiga tahun 2022.
- Inflasi keseluruhan meningkat pada suku itu.
- Lebihan akaun semasa yang lebih tinggi sebanyak RM14.1 bilion, atau 3.1% daripada KDNK.

### KDNK mencatatkan pertumbuhan kukuh pada suku ketiga tahun 2022

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 14.2% pada suku ketiga tahun 2022 (S2 2022: 8.9%). Selain kesan asas yang besar daripada pertumbuhan negatif pada suku ketiga tahun 2021,[1] pertumbuhan tinggi ini disokong oleh pengembangan permintaan dalam negeri yang berterusan. Pada asas suku tahun ke suku tahun terlaras secara bermusim, ekonomi mencatatkan peningkatan sebanyak 1.9% (S2 2022: 3.5%). Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 9.3% pada tiga suku tahun pertama tahun 2022.

**R4** **Pertumbuhan KDNK Benar**

**Perubahan tahunan dan suku tahunan (%)**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[1] Ekonomi Malaysia terjejas teruk disebabkan oleh pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang ketat pada suku ketiga tahun 2021. Langkah-langkah pembendungan ini termasuk antara lain mengehadkan kapasiti operasi bagi kegiatan ekonomi tertentu dan sekatan perjalanan antara negeri. Berlatarkan persekitaran ini, ekonomi mencatatkan penguncupan sebanyak 4.5%.

## R5 Pertumbuhan Tahunan Sektor Ekonomi

**Perubahan tahunan (%)**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## R6 Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar

**Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Semua sektor ekonomi berkembang

Semua sektor ekonomi berkembang pada suku ketiga tahun 2022. Sektor perkhidmatan bertambah kukuh sebanyak 16.7% (S2 2022: 12.0%), disokong terutamanya oleh subsektor berkaitan pengguna. Keadaan pasaran pekerja yang lebih baik dan pemulihan yang berterusan dalam sektor pelancongan memberikan dorongan yang kukuh kepada aktiviti runcit dan aktiviti berkaitan rekreasi. Langkah-langkah dasar seperti kenaikan kadar gaji minimum meningkatkan lagi perbelanjaan domestik.

Sektor perkilangan mengembang sebanyak 13.2% (S2 2022: 9.2%). Kelompok E&E terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh (17.3%; S2 2022: 15.5%), manakala kelompok berkaitan sumber berkembang pada kadar yang lebih pantas (6.0%; S2 2022: 1.3%) disebabkan oleh penyambungan semula operasi di loji penapisan minyak sedia ada yang sebelum ini dalam proses penyelenggaraan. Kelompok pengguna mencatatkan pertumbuhan dua angka, disebabkan oleh peningkatan pengeluaran dalam segmen kenderaan motor dan peralatan pengangkutan bagi memenuhi tempahan tertunggak yang tinggi.

Sektor pembinaan berkembang sebanyak 15.3% (S2 2022: 2.4%) apabila semua subsektor mencatatkan peningkatan aktiviti. Projek harta tanah komersial, projek pembangunan bercampur *(mixed-development)* dan projek berskala kecil terus menyokong aktiviti dalam subsektor bangunan bukan kediaman dan pertukangan khas.

Sektor berkaitan komoditi kembali pulih. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan meningkat kepada 9.2% (S2 2022: -0.5%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak dan gas yang lebih tinggi termasuk dari telaga gas Pegaga di Blok SK320, Sarawak dan Blok PM302, Terengganu. Pertumbuhan juga sebahagiannya disumbangkan oleh kesan asas yang berpunca daripada penutupan untuk kerja penyelenggaraan pada tempoh yang sama pada tahun 2021. Sektor pertanian berkembang sebanyak 1.2% (S2 2022: -2.4%), didorong terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi apabila masalah kekurangan tenaga kerja beransur pulih dan kadar hasil yang bertambah baik berikutan taburan hujan yang lebih tinggi pada awal tahun ini.

### R7 Pertumbuhan Tahunan KDNK Benar Mengikut Komponen Perbelanjaan




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## R8 Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

**Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Permintaan dalam negeri terus meningkat

Pada suku ketiga, permintaan dalam negeri meningkat sebanyak 13.1% (S2 2022: 13.0%), didorong oleh perbelanjaan sektor swasta yang utuh.

Pertumbuhan penggunaan swasta kekal mantap pada 15.1% (S2 2022: 18.3%). Hal ini disebabkan oleh keadaan pasaran pekerja yang terus pulih dengan pertumbuhan pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi. Prestasi yang kukuh didorong oleh perbelanjaan untuk barangan keperluan dan barangan budi bicara. Sokongan dasar, termasuk kenaikan gaji minimum dan Bantuan Keluarga Malaysia meningkatkan lagi perbelanjaan pengguna.

Pertumbuhan penggunaan awam berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 4.5% (S2 2022: 2.6%), disebabkan oleh pertumbuhan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan.

## Aktiviti pelaburan terus bertambah baik

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 13.1% (S2 2022: 5.8%) apabila perbelanjaan modal sektor swasta dan sektor awam terus bertambah baik. Pelaburan dalam struktur meningkat sebanyak 16.7% (S2 2022: 3.8%), manakala pelaburan untuk jentera dan peralatan (*machinery and equipment,* M&E) dan aset-aset lain meningkat masing-masing sebanyak 10.7% (S2 2022: 9.6%) dan 6.6% (S2 2022: 0.2%).

Pelaburan swasta meningkat sebanyak 13.2% (S2 2022: 6.3%), dengan perbelanjaan modal yang lebih tinggi didorong terutamanya oleh firma perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan struktur meningkat apabila projek merentas semua segmen harta tanah terus giat dilaksanakan. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam M&E mendapat manfaat daripada pengembangan kapasiti berikutan keadaan permintaan yang menggalakkan.

Pelaburan awam meningkat sebanyak 13.1% (S2 2022: 3.2%), didorong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Kerajaan Am dan syarikat awam khususnya dalam sektor minyak dan gas serta telekomunikasi.

### R9 Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset

**Perubahan tahunan (%)**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Inflasi keseluruhan meningkat pada suku ketiga

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 4.5% pada suku ketiga (S2 2022: 2.8%). Seperti yang dijangka, peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh kesan asas daripada diskaun ke atas bil elektrik yang dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2021 serta peningkatan berterusan dalam inflasi teras dan inflasi harga yang tidak menentu. Tekanan inflasi mencerminkan gabungan keadaan permintaan yang lebih kukuh dan tekanan kos yang meningkat, terutamanya untuk barangan makanan.

### R10 Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

**Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan)**




[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi teras meningkat kepada 3.7% (S2 2022: 2.5%) disebabkan oleh permintaan yang terus kukuh dalam keadaan persekitaran kos yang tinggi. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh makanan di luar rumah (S3 2022: 8.2%; S2 2022: 5.3%) dan inflasi sewaan yang lebih tinggi (S3 2022: 1.4%; S2 2022: 0.9%). Harga untuk perkhidmatan budi bicara lain seperti perkhidmatan kebudayaan serta restoran dan hotel juga meningkat. Tekanan harga kekal meluas sepanjang suku ketiga. Bahagian barangan IHP yang mencatatkan peningkatan harga bulanan berkurang namun kekal tinggi pada 58.1% (S2 2022: 63.2%; purata 2011-2019: 45.6%).

## R11 Perubahan Bulan ke Bulan dalam Harga Barangan IHP*

**Peratusan barangan IHP (%)**




* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

## Pasaran pekerja terus pulih

Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik pada suku ketiga tahun 2022. Kadar pengangguran dan guna tenaga tidak penuh menurun masing-masing kepada 3.7% dan 1.1% daripada tenaga kerja (S2 2022: masing-masing 3.9% dan 1.3%). Penurunan ini disokong oleh pertumbuhan guna tenaga yang kukuh, di samping peningkatan bilangan pekerja yang menyertai tenaga kerja. Kadar penyertaan tenaga kerja terus bertambah baik, meningkat kepada 69.4% daripada penduduk umur bekerja, mengatasi paras sebelum pandemik (S2 2022: 69.2%; S4 2019: 68.5%). Data tuntutan pengangguran dan penempatan pekerjaan baharu daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) juga menunjukkan pengambilan pekerja yang mampan dalam keadaan kadar pemberhentian pekerja yang lebih rendah pada suku ketiga.

Upah sektor swasta juga terus bertambah baik pada suku ketiga tahun 2022, disokong oleh kadar pengembangan ekonomi yang kukuh. Dari segi momentum, pertumbuhan upah pada asas suku tahun ke suku tahun terlaras secara bermusim lebih sederhana, menghampiri purata sebelum krisis (1.1%; S2 2022: 2.1%; purata 2015-2019: 1.4%). Pertumbuhan upah didorong oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan yang bertambah baik secara menyeluruh.

### R12 Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah

**Perubahan tahun ke tahun (%)**




Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kadar pertumbuhan upah pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

## R13 Tuntutan Pengganggguran dan Kadar Penempatan Pekerjaan




Nota: Tuntutan pengangguran merujuk bilangan penganggur yang memohon manfaat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berikutan kehilangan pekerjaan. Kadar penempatan pekerjaan merujuk bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang diberhentikan kerja.

Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial

## R14 Eksport Kasar Mengikut Keluaran dan Pasaran

**Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)**







**Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)**







Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Prestasi eksport dan import kekal mantap

Eksport kasar meningkat sebanyak 38.3% (S2 2022: 29.9%), mencerminkan pengembangan yang menyeluruh merentas produk, disokong oleh permintaan luaran dan harga komoditi yang tinggi. Eksport perkilangan berkembang sebanyak 36.8% (S2 2022: 26.0%), didorong oleh eksport E&E (41.4%; S2 2022: 37.6%) dan eksport bukan E&E (33.4%; S2 2022: 18.1%).

Sementara itu, import kasar meningkat sebanyak 46.5% (S2 2022: 36.0%), didorong oleh import barangan pengantara yang lebih tinggi (40.8%; S2 2022: 36.1%). Peningkatan ini berikutan usaha berterusan firma untuk membina penampan inventori bagi mengurangkan kesan gangguan rantaian bekalan serta pengembangan permintaan dalam negeri yang kukuh. Lebihan dagangan meningkat kepada RM64.3 bilion (S2 2022: RM58.0 bilion).

## Lebihan akaun semasa lebih tinggi

Akaun semasa imbangan pembayaran mencatatkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM14.1 bilion atau 3.1% daripada KDNK pada suku ketiga 2022 (S2 2022: RM4.4 bilion atau 1.0% daripada KDNK).

Akaun barangan[2] mencatatkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM43.0 bilion (S2 2022: RM34.0 bilion). Defisit perkhidmatan mengecil kepada RM9.6 bilion (S2 2022: -RM12.3 bilion) disebabkan terutamanya oleh penerimaan perjalanan dan pengangkutan yang lebih tinggi berikutan peningkatan kemasukan pelancong ke dalam negeri. Sementara itu, akaun pendapatan mencatatkan defisit yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negara.

### R15 Imbangan Akaun Semasa




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan dalam hak milik) adalah dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa.

## Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM14.9 bilion (S2 2022: RM0.2 bilion). Hal ini mencerminkan aliran keluar dalam pelaburan lain disebabkan oleh peminjaman antara bank terutamanya bagi amalan pengurusan mudah tunai serta penempatan dana di luar negara oleh syarikat korporat.

Aliran masuk pelaburan langsung asing (*foreign direct investment,* FDI) (RM12.3 bilion; S2 2022: RM17.3 bilion) memberikan manfaat terutamanya kepada sektor perkilangan dan subsektor perkhidmatan kewangan, manakala aliran keluar pelaburan langsung asing (*direct investment abroad,* DIA) (-RM10.3 bilion; S2 2022: -RM14.7 bilion) disalurkan terutamanya ke dalam subsektor perkhidmatan kewangan dan sektor perlombongan. Pelaburan portfolio kembali pulih dengan mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil (RM0.1 bilion; S2 2022: -RM14.7 bilion). Pemulihan ini disebabkan oleh aliran masuk bersih daripada pelupusan pelaburan oleh pemastautin dalam ekuiti dan sekuriti hutang di luar negara (RM2.6 bilion; S2 2022: -RM4.4 bilion). Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah RM14.1 bilion pada suku ketiga atau +1.8% daripada jumlah perdagangan.

### R16 Aliran Akaun Kewangan mengikut Komponen Utama




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

## R17 Perubahan dalam Hutang Luar Negeri




[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

### Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia meningkat sedikit kepada RM1,169.4 bilion, atau 67.0% daripada KDNK pada akhir bulan September 2022 (akhir bulan Jun 2022: RM1,128.3 bilion atau 67.7% daripada KDNK). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian kadar pertukaran susulan nilai ringgit yang menyusut berbanding dengan dolar AS. Faktor penyumbang lain adalah peminjaman antara bank yang lebih tinggi, terutamanya untuk menokok penampan mudah tunai pertukaran asing dan membiayai aktiviti pemberian pinjaman domestik, serta kredit perdagangan.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berikutan profil mata wang dan profil tempoh matangnya yang bersesuaian. Hutang dalam denominasi ringgit mencakupi 32.2% daripada jumlah hutang luar negeri dan liabiliti ini tidak dipengaruhi oleh turun naik kadar pertukaran ringgit. Kira-kira 67.8% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi mata wang asing (foreign currency, FCY) dan 67.6% liabiliti FCY tersebut tertakluk pada keperluan kehematan dan lindung nilai BNM.[3]

[3] Bon dan nota yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM193.6 bilion, mencakupi 24.4% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY dan diterbitkan sebahagian besarnya oleh syarikat bukan kewangan. Bon dan nota tersebut bersama-sama dengan pinjaman berjumlah RM72.1 bilion atau 9.1% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY adalah tertakluk pada keperluan lindung nilai BNM. Pinjaman antara syarikat berkaitan yang diterbitkan antara entiti asing yang berkaitan serta mencakupi 14.2% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, secara umumnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi. Sementara itu, pengurusan institusi perbankan terhadap risiko mudah tunai FCY yang timbul daripada peminjaman antara bank dan deposit bukan pemastautin (mencakupi 34.2% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY) juga tertakluk pada piawaian kehematan yang dikeluarkan oleh Bank.

## R18 Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dari segi tempoh matang, 58.5% daripada jumlah hutang luar negeri terdiri daripada tempoh jangka sederhana sehingga jangka panjang, lantas mengehadkan risiko pelanjutan, manakala baki 41.5% merupakan tempoh jangka pendek.

Pada 31 Oktober 2022, rizab antarabangsa berjumlah USD105.2 bilion yang memadai untuk membiayai 5.1 bulan import barangan dan perkhidmatan[5] dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[4] Untuk maklumat lanjut berkenaan penilaian risiko hutang luar negeri institusi perbankan, sila rujuk muka surat 38, Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 BNM, melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/8440087/fsr22h1_bm_book.pdf

[5] Untuk maklumat lanjut berkaitan penunjuk ini, sila rujuk rencana "Peluasan Ukuran Liputan Rizab Bagi Import – daripada Import Tertangguh kepada Import Barangan dan Perkhidmatan", muka surat 27, penerbitan Buletin Suku Tahunan BNM Suku Keempat 2021, melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6118085/qb2021q4_bm_box_imports.pdf

Rencana

# Trend Harga Komoditi Global, Dinamik Inflasi dan Tindak Balas Dasar: Kajian di Malaysia

## Pengenalan

Harga komoditi tenaga dan bukan tenaga global melonjak ke paras tertinggi yang pernah dicatatkan pada awal tahun 2022 apabila tercetusnya konflik ketenteraan di Ukraine (Rajah 1). Keadaan ini berlaku selepas trend kenaikan harga secara menyeluruh yang ketara sejak pertengahan tahun 2020, yang mencerminkan gabungan pemulihan permintaan global, kekurangan pengeluaran dan gangguan rantaian bekalan.

### R1 Harga Komoditi Utama Dunia

**Indeks berdasarkan dolar AS nominal (Januari 2020=100)**




Nota: Tenaga terdiri daripada arang batu, minyak mentah dan gas asli. Makanan terdiri daripada bijirin, minyak dan hidangan sayuran, serta makanan lain (gula, pisang, oren, daging lembu dan daging ayam).

Sumber: World Bank Commodities Price Data (The Pink Sheet). Dikemas kini pada 4 Oktober 2022.

Kebanyakan negara mengalami inflasi keseluruhan yang lebih tinggi pada tahun 2022. Hal ini didorong terutamanya oleh peningkatan dalam inflasi tenaga dan makanan (Rajah 2), dengan kesan pindahan kepada inflasi teras. Walau bagaimanapun, dedahan dan kesan kenaikan harga komoditi global berbeza-beza merentas negara. Ketidakseimbangan penawaran dan permintaan juga merupakan faktor penting yang memainkan peranan dalam evolusi tekanan inflasi dalam negeri secara keseluruhan, dan seterusnya perkembangan inflasi teras. Oleh itu, tindak balas dasar untuk menguruskan tekanan inflasi agak berbeza bagi setiap negara ketika beralih kepada keadaan normal selepas COVID-19 serta menangani kesan pembukaan semula yang baharu dan berbeza.

Rencana ini membincangkan cara saluran harga komoditi global mempengaruhi inflasi di Malaysia. Rencana ini kemudian membincangkan dinamik semasa bagi inflasi dalam negeri dan faktor-faktor yang terus membezakan Malaysia daripada negara lain. Rencana ini juga mengkaji risiko *runaway inflation* di Malaysia.[1] Akhir sekali, rencana ini memberikan pemahaman tentang pelarasan semula (*recalibration*) dasar monetari oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia pada tahun 2022, serta hubung kaitnya dengan dasar makroekonomi lain.

## R2 Pendorong Inflasi Keseluruhan di Negara Terpilih

**Mata peratusan**




Nota: Kadar inflasi adalah bagi bulan September 2022, kecuali Australia yang menggunakan kadar inflasi S3 2022.
Sumber: Pangkalan Data Indeks Harga Pengguna IMF, Pangkalan Data Indeks Harga Pengguna Diselaraskan Eurostat dan anggaran Bank Negara Malaysia.

### Saluran penyebaran harga komoditi global kepada inflasi dalam negeri[2]

Transmisi harga komoditi global kepada inflasi Indeks Harga Pengguna (IHP) boleh dijelaskan dari segi tahap dan saluran, iaitu secara langsung dan tidak langsung (Rajah 3). **Tahap 1** berkaitan dengan bahagian barangan dan perkhidmatan import dalam kumpulan IHP, dan oleh itu kesan pindahan harga komoditi global ke dalam negeri. Sekiranya dedahan barangan dan perkhidmatan import adalah tinggi, kenaikan harga komoditi yang lebih ketara mungkin akan lebih mempengaruhi harga pengguna. Hal ini melibatkan saluran langsung dan tidak langsung. Harga input komoditi global tersebar secara langsung melalui barangan siap yang diimport. Penyebaran secara tidak langsung pula berlaku melalui input bahan mentah dan barangan pengantara yang diimport. Keadaan ini mempengaruhi kos pengeluaran bagi barangan dalam kumpulan IHP yang dihasilkan di dalam negeri.

Harga barangan penggunaan yang sebahagian besarnya berasaskan komoditi atau sangat bergantung pada komoditi import secara lumrahnya akan mengikuti trend harga komoditi global dengan lebih rapat. Contoh barangan tersebut ialah tenaga dan bahan makanan tidak dimasak.[3] Walau bagaimanapun, sesetengah barangan keperluan pengguna berasaskan komoditi ini juga tertakluk pada kawalan harga dan subsidi dalam pasaran dalam negeri, yang mengurangkan kesan pindahan kenaikan harga komoditi. Barangan yang tertakluk pada kawalan harga dan subsidi pada masa ini termasuk petrol RON95, diesel, elektrik, gas serta kategori terpilih bagi ayam, telur, gula, minyak masak berasaskan minyak sawit dan tepung gandum (dianggarkan akan mempengaruhi kurang 13% daripada kumpulan IHP).

[1] *Runaway inflation* ditakrifkan sebagai kenaikan inflasi secara mendadak dan berterusan. Sebagai contoh, inflasi yang berlaku sekitar 1970-an (Poole, 2005).
[2] Harga komoditi yang lebih tinggi boleh mempengaruhi makroekonomi melalui tiga saluran iaitu inflasi, perubahan corak pengeluaran dan kesan kadar syarat perdagangan (Igan et al., 2022). Rencana ini memberikan tumpuan pada saluran yang pertama walaupun dua lagi saluran tersebut boleh mempengaruhi inflasi secara tidak langsung melalui kesan pertumbuhan dan pendapatan. Contohnya, sebagai pengeksport komoditi bersih, kadar syarat perdagangan Malaysia telah mengalami kejutan positif berikutan harga komoditi yang tinggi.
[3] Contoh bahan makanan tidak dimasak termasuk (tetapi tidak terhad kepada) daging segar dan daging beku, bijirin dan buah-buahan.

Selain harga global, kesan harga komoditi melalui saluran langsung atau tidak langsung mungkin dikurangkan atau ditingkatkan lagi oleh pergerakan kadar pertukaran dan kos pengangkutan antarabangsa.

Secara amnya, kebergantungan yang secara relatif terhad pada import sebahagiannya mengurangkan kesan harga komoditi global terhadap kos syarikat dan harga dalam negeri. Barangan siap yang diimport mencakupi kira-kira 16% daripada kumpulan penggunaan IHP isi rumah biasa.[4] Separuh daripada penggunaan ini merupakan bahan api, yang tertakluk pada pentadbiran harga. Dari segi penawaran, berdasarkan Jadual Input-Output 2020 untuk Malaysia, input barangan pengantara yang diimport mencakupi kira-kira 12% daripada jumlah output kasar. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Import mencakupi 29% daripada jumlah kumpulan IHPR.[5]

**Tahap 2** berkaitan dengan pengekalan saluran tidak langsung, iaitu kesan pindahan kos pengeluaran yang lebih tinggi di dalam negeri yang disebabkan oleh kenaikan harga komoditi. Semakin banyak perubahan harga komoditi dipindahkan kepada rangkaian barangan dan perkhidmatan pada peringkat hiliran (*downstream*) yang digunakan dalam pengeluaran dan operasi (contohnya, merentas pelbagai bahan pengantara dan bahan siap, pengangkutan, logistik dan utiliti), semakin besar kemungkinan barangan dan perkhidmatan pengguna akan mengalami kesan limpahan. Seterusnya, kenaikan harga yang lebih meluas mungkin menjadi ketara.

Selain faktor struktur kos daripada Tahap 1 (dedahan barangan dan perkhidmatan import dan magnitud kenaikan harga komoditi), faktor lain yang mempengaruhi kesan pindahan ini kepada harga pengeluar dan pengguna[6] termasuk margin keuntungan syarikat dan persekitaran kos keseluruhan, struktur pasaran dan keadaan permintaan asas. Semua faktor ini boleh saling berkait. Tahap kesan pindahan mungkin sebahagiannya dikurangkan apabila syarikat menyerap kos yang lebih tinggi untuk mengekalkan bahagian pasaran; untuk mengikuti strategi perniagaan antarabangsa (penetapan harga mengikut pasaran); atau semasa membuat pertimbangan mengenai keadaan permintaan. Syarikat juga boleh berusaha untuk meningkatkan margin mereka (rujuk Bank Negara Malaysia (2011, 2015) untuk butiran lanjut).

Faktor-faktor ini secara bersama telah mempengaruhi dinamik inflasi Malaysia sejak dua tahun lalu. Kenaikan harga secara amnya lemah pada tahun 2021 meskipun kos meningkat (iaitu Tahap 1 menunjukkan kenaikan harga, tetapi transmisi ke Tahap 2 secara relatif sederhana).[7] Walau bagaimanapun, kesan pindahan bagi kos yang berlarutan tinggi (dalam Tahap 2) menjadi lebih ketara pada tahun 2022 berikutan keadaan permintaan yang semakin pulih serta persaingan yang mempengaruhi keputusan penetapan harga. Perincian ini dikaji lebih lanjut menerusi rencana di bawah, iaitu "Dari ladang ayam ke nasi campur".

---

[4] Walaupun barangan dan perkhidmatan dalam kumpulan IHP yang diimport merupakan perkara yang paling penting untuk mengukur kesan harga komoditi terhadap inflasi, penunjuk lain juga menunjukkan bahagian import penggunaan yang secara relatif rendah, iaitu: barangan penggunaan siap yang diimport membentuk kira-kira 8% daripada jumlah import dan 10% daripada penggunaan swasta (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2022a, 2022b) dan anggaran Bank Negara Malaysia).

[5] Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi *ekonomi dalam negeri* merangkumi 70.89% pengeluaran tempatan dan 29.11% import berdasarkan Banci Ekonomi 2015 dan data nilai import (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Berikutan bahagian pengeluaran tempatan yang lebih besar, dedahan keseluruhan kepada kejutan harga komoditi global dan kadar pertukaran secara relatif terkawal.

[6] Selain harga yang ditadbir.

[7] Semasa pelaksanaan sekatan pergerakan penuh pada suku ketiga tahun 2021, bahagian barangan IHP yang merekodkan harga tidak berubah berpurata pada 62.9% [6] berbanding dengan purata tahun 2011-2019 iaitu 33.2%.

## R3 Gambaran Keseluruhan Saluran Penghantaran daripada Harga Komoditi Global




Nota: Diadaptasi daripada Bank Negara Malaysia (2011, 2015).

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia.

### Dari ladang ayam ke nasi campur

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang saluran dan kesalinghubungan yang berkaitan dengan transmisi harga komoditi global kepada harga pengguna dalam negeri, bahagian ini memberikan tumpuan pada pengeluaran daging ayam di dalam negeri. Bahagian ini menunjukkan bahawa inflasi yang lebih tinggi pada nasi campur tidak boleh dikaitkan secara langsung atau semata-mata dengan kos komoditi yang diimport. Sebaliknya, kadar inflasi yang lebih tinggi ini secara amnya mencerminkan kesan agregat persekitaran kos (termasuk kesan pindahan harga komoditi sepanjang rantaian bekalan) dan keadaan permintaan.

Kos makanan ayam, yang kebanyakannya terdiri daripada bijirin dan tepung kacang soya yang diimport, merupakan bahagian terbesar daripada jumlah kos berubah (*variable cost*) pengeluaran ayam daging (rujuk Rajah 4).[8] Kos ini telah meningkat secara stabil, mencerminkan inflasi bijirin global yang berpurata sebanyak 21.9% dari bulan Januari hingga September 2022 (purata 2011-2019: 0.5%)[9], pergerakan kadar pertukaran dan kos pengangkutan antarabangsa. Kenaikan harga makanan ternakan mencerminkan kesan pindahan **Tahap 1** yang diterangkan sebelum ini. Kesan harga komoditi terhadap jumlah kos berubah pengeluaran ayam daging sebahagian kecilnya juga disalurkan melalui kos utiliti. Kos elektrik meningkat berikutan pelaksanaan surcaj ke atas penggunaan elektrik oleh sektor komersial dan perindustrian pada tahun 2022.[10] Surcaj tersebut mencerminkan kenaikan harga arang batu global yang telah meningkatkan kos pengeluaran elektrik (Tenaga Nasional Berhad, 2022).

[8] Berdasarkan Abdurofi et al. (2017). Data yang dirujuk merupakan bahagian kos makanan ternakan daripada jumlah kos berubah bagi ladang ayam di pusat Semenanjung Malaysia.

[9] Sumber: World Bank Commodity Price Data (The Pink Sheet).

[10] 3.70 sen setiap kWj di bawah mekanisme Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) mulai 1 Februari 2022 hingga 31 Disember 2022.

Harga ayam segar meningkat setelah mengambil kira semua faktor kos ini. Bagi membendung harga ayam daripada meningkat secara tidak terkawal, Kerajaan mengenakan had harga tertinggi bagi ayam standard dan melaksanakan subsidi pengeluar sejak bulan Februari 2022. Sekatan eksport telah dikuatkuasakan mulai bulan Jun 2022.[11]

Meskipun dengan usaha-usaha Kerajaan ini, inflasi ayam segar mencatatkan purata sebanyak 11.7% dari bulan Januari hingga September 2022 (purata 2011-2019: 2.1%). Kenaikan inflasi ayam segar telah menyebabkan inflasi yang lebih tinggi bagi makanan di luar rumah, contohnya nasi ayam, ayam yang dimasak dan nasi campur.[12] Hal ini menggambarkan kesan pindahan **Tahap 2** (rujuk juga Rajah 3) dengan limpahan harga barangan siap (ayam segar), yang merupakan input penting berasaskan komoditi, kepada barangan bukan komoditi yang berkaitan perkhidmatan pengguna (makanan di luar rumah).

## R4 Harga Komoditi Global kepada Harga Ayam Tempatan dan Nasi Campur




^Sumber: Abdurofi et al. (2017).
*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia. YTD merujuk inflasi purata daripada bulan Januari hingga September 2022.

[11] Sekatan eksport telah ditamatkan secara beransur-ansur sejak bulan Oktober.

[12] Kadar inflasi purata dari bulan Januari hingga September 2022 untuk nasi ayam/itik, ayam yang dimasak dan nasi campur masing-masing adalah pada 5.8%, 5.8% dan 8.6%, manakala purata 2011-2019 masing-masing adalah pada 3.3%, 3.6% dan 4.1%. Rujuk juga penerbitan bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mengenai IHP (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022c).

## Dinamik inflasi semasa: Kos dan permintaan mendorong inflasi yang lebih tinggi dalam beberapa segmen; peningkatan sebahagiannya dibendung oleh faktor khusus sesebuah negara

### *Peningkatan berlebihan dalam beberapa kategori IHP mencerminkan kepekaan terhadap persekitaran kos tinggi dan permintaan terpendam yang dipenuhi*

Dinamik inflasi baru-baru ini sebahagian besarnya mencerminkan kesan pindahan perubahan harga relatif[13] kepada inflasi agregat (kesan pusingan pertama). Perubahan harga relatif ini berhubung kait dengan limpahan daripada kenaikan harga yang ketara[14] (khususnya, harga yang lebih tinggi berkaitan input tenaga dan input berkaitan makanan).

Kira-kira separuh (47%) daripada kumpulan IHP pada masa ini telah mengalami kadar inflasi yang berlebihan (Rajah 5). *Makanan dan minuman bukan alkohol*, dengan wajaran 29.5%, secara purata menyumbang kira-kira 50% kepada inflasi yang lebih tinggi pada tahun 2022 dan mencerminkan inflasi yang lebih tinggi bagi *makanan di rumah* dan *makanan di luar rumah*. Dalam konteks saluran penyebaran, inflasi makanan di rumah yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya transmisi Tahap 1 berikutan harga komoditi global yang tinggi. Sementara itu, tekanan kos yang dicerminkan oleh inflasi *makanan di rumah* telah mempengaruhi inflasi *makanan di luar rumah*, seterusnya lebih mencerminkan transmisi Tahap 2, iaitu kos input perkhidmatan makanan dipengaruhi secara tidak langsung oleh harga komoditi yang lebih tinggi. Pada asasnya, penyebaran melalui Tahap 2 mungkin akan lebih ketara apabila inflasi lebih meluas dalam ekonomi berikutan wujudnya faktor-faktor yang mempengaruhi kesan pindahan. Faktor yang paling penting di sini ialah kekukuhan keadaan permintaan asas, iaitu pembukaan semula ekonomi, keadaan guna tenaga dan pendapatan yang lebih baik serta peningkatan dalam aktiviti pelancongan. Pemulihan permintaan membolehkan pengeluar dan syarikat memindahkan kos yang lebih tinggi.[15] Rencana BNM sebelum ini menunjukkan bahawa *makanan di luar rumah*; *restoran dan hotel*; serta *perkhidmatan rekreasi dan budaya* adalah "sensitif dan negatif" semasa pandemik (Bank Negara Malaysia, 2021). Hal ini membayangkan bahawa harga secara amnya lemah semasa sekatan pergerakan tetapi kembali pulih apabila kegiatan ekonomi disambung semula selepas sekatan pergerakan. Oleh itu, harga secara relatif lebih mudah dipengaruhi permintaan terpendam.

Pada masa hadapan, risiko kejutan kos yang berlarutan telah meningkat berikutan persekitaran dolar AS yang lebih kukuh.[16] Hal ini akan memberikan kesan pada kos barangan import, khususnya komoditi yang didagangkan pada peringkat antarabangsa, meskipun hal ini mungkin sebahagiannya diimbangi oleh kemungkinan harga komoditi global menjadi sederhana.[17, 18]

Secara keseluruhannya, persekitaran kos yang tinggi dan permintaan yang sedang pulih menunjukkan bahawa tekanan inflasi boleh terus meningkat apabila perubahan harga relatif yang dikaitkan dengan kejutan kos berkala terus memberikan kesan pada inflasi agregat. Walau bagaimanapun, wujud faktor-faktor pengimbang yang akan dibincangkan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

### *Harga yang ditadbir, ketidakseimbangan penawaran-permintaan yang terurus dan dorongan terhad terhadap dinamik lingkaran upah-harga akan terus mengekang runaway inflation*

Faktor utama yang menyebabkan inflasi secara relatif kekal terurus ialah inflasi harga tenaga dalam negeri (bahan api, elektrik dan gas runcit) secara relatif lemah disebabkan oleh subsidi walaupun harga komoditi tenaga global meningkat secara mendadak. Kawalan harga berkaitan makanan yang menyasarkan barangan

[13] Perubahan harga relatif mencerminkan pelarasan harga yang berpunca daripada turun naik penawaran dan permintaan barangan dan perkhidmatan tertentu. Pelarasan ini agak meluas apabila berkaitan dengan produk seperti minyak dan makanan yang memasuki rantaian pengeluaran untuk pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan lain (Humpage, 2008).

[14] Perubahan harga yang lebih penting untuk pengguna, dan berpotensi mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap trend harga keseluruhan (Bank for International Settlement, 2022). Hal ini mungkin disebabkan oleh peranan harga yang meluas dalam rantaian pengeluaran (contohnya, harga tenaga) atau kepentingannya dalam kumpulan penggunaan (contohnya, makanan).

[15] Apabila permintaan secara relatif tidak anjal (tidak sensitif terhadap perubahan harga), syarikat boleh memilih untuk memindahkan kos yang lebih tinggi kepada pengguna, contohnya untuk makanan di rumah yang terdiri daripada barangan keperluan.

[16] Satu faktor lain yang berpotensi menjejaskan inflasi ialah perubahan langkah-langkah dasar dalam negeri, contohnya dasar berkaitan subsidi.

[17] World Bank Group (2022).

[18] Contohnya, harga jagung global menurun sebanyak 10.1% kepada USD342.9 setiap tan metrik secara purata pada S3 2022 (USD308.4 setiap tan metrik pada S2 2022) (World Bank Commodity Price Data (The Pink Sheet)). Walau bagaimanapun, nilai ringgit yang setara hanya menurun sebanyak 5.4% (daripada RM1511.6 kepada RM1430.3 setiap tan metrik),berikutan penurunan nilai MYR/USD sebanyak 4.9%.

## R5 Perbezaan Antara Kadar Inflasi Sebenar dengan Trend Kategori IHP yang Luas

**Mata peratusan**[1]




[1] Berdasarkan perbezaan kadar inflasi sebenar pada September 2022 berbanding pertumbuhan secara tidak langsung daripada ekstrapolasi linear trend sebelum pandemik (2019) kategori IHP pada tahap dua digit.

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia.

keperluan utama dan tahap sara diri yang munasabah merentas barangan makanan juga telah membantu melindungi Malaysia sebahagiannya daripada kenaikan harga barangan yang diimport berikutan persekitaran dolar AS yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, hal ini telah memberikan kesan terhadap belanjawan Kerajaan. Pada tahun 2022, kos subsidi dan bantuan sosial dianggarkan berjumlah RM58.9 bilion berbanding dengan RM23.0 bilion pada tahun 2021 (Kementerian Kewangan, 2022).

Kedua, tahap ketidakseimbangan penawaran-permintaan secara relatif terurus. Perbezaan Malaysia daripada ekonomi lain termasuk dari segi masa, kadar dan magnitud pemulihan disebabkan sebahagiannya oleh tahap sokongan dasar semasa kemuncak pandemik COVID-19 dan pasaran pekerja yang ketat (Bank Negara Malaysia, 2021). Meskipun keadaan telah bertambah baik selepas pembukaan semula ekonomi, lebihan kapasiti masih wujud dalam pasaran pekerja secara keseluruhan. Kadar pengangguran berada pada 3.7% pada bulan Ogos 2022 iaitu masih lebih tinggi berbanding dengan 3.3% pada bulan Februari 2020, sejurus sebelum pelaksanaan sekatan pergerakan di seluruh negara. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengembangan tenaga kerja yang berterusan berbanding dengan ekonomi-ekonomi maju yang mengalami kekangan bekalan tenaga kerja. Namun begitu, penunjuk terkini menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi terus bertambah kukuh pada suku ketiga, menandakan kewujudan tekanan permintaan yang wajar dipantau rapi.

Ketiga, kesan pusingan kedua (iaitu maklum balas antara kenaikan harga dan upah) mempunyai dorongan terhad untuk menyebabkan inflasi yang lebih tinggi secara berterusan. Pencetus utama keadaan ini adalah jangkaan inflasi dan tingkah laku penetapan upah. Hal ini dicerminkan oleh jangkaan inflasi jangka panjang yang tidak jauh berbeza daripada purata sebelum ini (dalam ketiadaan sasaran inflasi) (Bonatti et al., 2022). Jika jangkaan inflasi

ditentukan dengan baik, isi rumah akan "mengabaikan" kenaikan inflasi yang sementara kerana yakin bahawa bank pusat berupaya mengawal inflasi yang tinggi (Goel dan Tsatsaronis, 2022). Setakat suku ketiga tahun 2022, jangkaan inflasi jangka panjang isi rumah Malaysia lebih hampir dengan purata 2017-2019 (Rajah 6).[19]

Pada masa ini, risiko daripada inflasi akibat kenaikan upah secara amnya kekal terkawal disebabkan dua faktor utama. Pertama, pertumbuhan upah benar setiap pekerja[20] bertambah baik (sejak awal 2022 hingga kini: -0.3% ; 2021: -1.9%) dan tidak melebihi pertumbuhan produktiviti[21] (sejak awal 2022 hingga kini: 6.1%; 2021: 2.3%).[22] Hal ini bersama-sama dengan lebihan kapasiti dalam pasaran pekerja telah membezakan Malaysia daripada sesetengah negara lain yang mengalami tekanan inflasi yang didorong oleh pasaran pekerja, iaitu pertumbuhan upah benar secara relatif lebih negatif serta pasaran pekerja yang ketat.

Kedua, dari segi struktur, pasaran pekerja Malaysia mempunyai ciri kuasa rundingan upah yang terhad bagi pihak pekerja. Maklum balas harga dan upah melalui indeks upah dan kesatuan sekerja yang kukuh sebahagian besarnya tidak wujud. Oleh itu, risiko tuntutan kenaikan upah yang berlebihan kekal terhad, meskipun kenaikan gaji minimum telah dilaksanakan pada bulan Mei 2022.

**R6** **Perbezaan Jangkaan Inflasi Jangka Panjang Isi Rumah daripada Purata Jangka Panjang**




[1] Jangkaan inflasi isi rumah untuk dua hingga tiga tahun ke hadapan.
[2] Purata jangka panjang merujuk purata jangkaan inflasi jangka panjang isi rumah 2017-2019.

Sumber: Kaji Selidik Sentimen Pengguna Bank Negara Malaysia.

## Tindak balas dasar

### *Dasar monetari adalah penting tetapi bukan satu-satunya dasar untuk menangani cabaran inflasi semasa; penyelarasan dengan langkah-langkah fiskal adalah penting*

Dasar monetari mengambil masa untuk mempengaruhi keseluruhan ekonomi[23]; manakala langkah fiskal boleh lebih bersasar dan digunakan untuk menangani cabaran pada masa ini. Penyelarasan antara dasar monetari dan fiskal

[19] Sumber: Kaji Selidik Sentimen Pengguna Bank Negara Malaysia.
[20] Pertumbuhan upah benar setiap pekerja dikira sebagai pertumbuhan upah nominal setiap pekerja ditolak dengan inflasi. Pertumbuhan sejak awal tahun 2022 sehingga kini merupakan purata bagi tiga suku pertama tahun itu. Upah merujuk upah sektor swasta yang terdiri daripada pekerja sektor perkilangan dan perkhidmatan. Guna tenaga juga dikira menggunakan kaedah serupa.
[21] Pertumbuhan produktiviti dikira sebagai pertumbuhan KDNK ditolak pertumbuhan guna tenaga. Pertumbuhan sejak awal tahun 2022 sehingga kini merupakan purata bagi tiga suku pertama tahun itu.
[22] Walaupun pertumbuhan upah tidak berlebihan, globalisasi yang beralih arah selepas pandemik boleh menjadikan inflasi lebih responsif terhadap struktur pasaran pekerja (Boissay et al., 2021).
[23] Mengikut beberapa anggaran, dasar monetari lazimnya mengambil masa kira-kira setahun untuk paling memberikan kesan terhadap ekonomi. Hal ini kerana isi rumah dan perniagaan mengambil masa untuk mengubah tingkah laku mereka. Sumber: Bank Negara Malaysia (2022).

adalah sangat penting untuk menangani inflasi memandangkan wujudnya potensi kejutan kos dan penawaran yang bersifat sementara. Penyelarasan ini sangat penting kerana kedua-dua dasar mempunyai kelebihan tersendiri dan juga supaya kedua-duanya tidak terlampau dibebankan atau lebih teruk, saling membatalkan.

Berikutan pemulihan permintaan dalam negeri, tanda-tanda awal inflasi yang didorong permintaan sedang dipantau dengan rapi. Pelarasan OPR baru-baru ini membantu menguruskan risiko permintaan yang berlebihan terhadap tekanan harga secara lebih awal. Selanjutnya, pelarasan OPR secara beransur-ansur adalah perlu bagi mengelakkan pelaksanaan langkah-langkah yang lebih keras pada masa hadapan, seperti kenaikan OPR yang lebih cepat dan lebih tinggi.

Sama seperti beberapa negara lain[24], kawalan harga dan subsidi dalam negeri telah membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup. Langkah-langkah fiskal ini telah membolehkan Bank Negara Malaysia menyelaraskan semula dasar monetari secara lebih terkawal. Langkah-langkah ini telah mengurangkan sebahagian tekanan harga dalam barangan keperluan yang khususnya penting bagi golongan yang mudah terjejas. Sekiranya subsidi ini tiada atau dikurangkan, mungkin wujud kesan pertumbuhan negatif yang lebih ketara seiring dengan inflasi yang lebih tinggi. Hal ini akan memberikan cabaran yang lebih besar kepada dasar monetari.

Bank Negara Malaysia menyedari bahawa kebergantungan yang berpanjangan pada sokongan fiskal dan subsidi tidak bersasar tidak boleh dilakukan secara berterusan. Dasar-dasar ini perlu diuruskan dengan bijak supaya: (i) kekurangan penawaran boleh diatasi, (ii) tidak menggalakkan permintaan berlebihan, (iii) wujud ruang fiskal untuk menangani kejutan masa hadapan, dan (iv) rasionalisasi dibangunkan melalui cara yang mengurangkan gangguan kepada ekonomi. Dalam tempoh jangka panjang, pembaharuan struktur diperlukan, antara lain untuk menambah baik sekuriti makanan. Hal ini termasuk mempelbagaikan sumber import makanan dan meningkatkan produktiviti pertanian melalui penggunaan teknologi yang lebih meluas.

## Kesimpulan

Penyebaran harga komoditi global terhadap inflasi berlaku melalui pelbagai peringkat dan saluran. Penyebaran ini bergantung pada kekuatan saluran langsung dan tidak langsung terhadap kos dalam negeri serta faktor lain yang mempengaruhi tingkah laku penetapan harga seperti keadaan permintaan dalam ekonomi. Di Malaysia, langkah-langkah harga yang ditadbir dan tanda-tanda harga komoditi global menjadi sederhana membantu mengurangkan tekanan inflasi, namun risiko kenaikan inflasi terus wujud. Risiko inflasi yang lebih tinggi boleh menjadi kenyataan sekiranya permintaan terus meningkat dan kejutan luaran berterusan, seperti persekitaran dolar AS yang kukuh.

Dasar monetari telah dilaraskan secara lebih awal sebahagiannya untuk mengelakkan pelaksanaan dasar yang lebih agresif pada masa hadapan sekiranya risiko inflasi lebih tinggi menjadi kenyataan. Penyelarasan yang berkesan antara dasar monetari dengan dasar lain sangat diperlukan bagi terus menyokong pertumbuhan yang mampan dalam persekitaran harga yang stabil.

Pada masa hadapan, sebagai sebahagian daripada analisis dinamik inflasi yang menyeluruh, bidang yang memerlukan penyelidikan dan pengawasan yang berterusan dan lebih mendalam termasuk peranan kedudukan kewangan dan margin keuntungan perniagaan dalam menentukan kesan pindahan kos; pelarasan pengeluaran dan penawaran, termasuk sumber input alternatif dan pelaburan baharu oleh perniagaan untuk mengembangkan kapasiti; serta kuasa penetapan harga dalam keadaan permintaan yang berubah-ubah. Kesemua elemen ini adalah sangat penting untuk membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang tingkah laku penetapan harga dan pemetaan trajektori inflasi.

[24] Beberapa negara di Asia Timur dan Pasifik memiliki bentuk kawalan harga atau subsidi yang berkaitan dengan tenaga dan barangan makanan termasuk Jepun (yang pertama kali memperkenalkan subsidi bahan api tahun ini), Filipina, Thailand dan Vietnam. Contohnya, rujuk Batmunkh dan Pfutze (2022) serta Gencer dan Akcura (2022).

## Rujukan


**Abdurofi , I., Ismail, M. M., Kamal, H. A. W., and Gabdo, B. H. 2017.** "Economic analysis of broiler production in Peninsular Malaysia". International Food Research Journal 24(4): 1387-1392.

**Bank for International Settlements. 2022.** "Inflation: A look under the hood". Bank for International Settlements, Annual Economic Report 2022.

**Bank Negara Malaysia. 2011.** Rencana tentang "Penularan Harga Komoditi Dunia Terhadap Inflasi di Malaysia". Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia.

**Bank Negara Malaysia. 2015.** Rencana tentang "Kesan Penyusutan Nilai Kadar Pertukaran Terhadap Inflasi di Malaysia". Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia.

**Bank Negara Malaysia. 2021.** Rencana tentang "Anatomi Inflasi: Kesan daripada Pandemik yang Berpanjangan". Tinjauan Ekonomi dan Monetari Bank Negara Malaysia.

**Bank Negara Malaysia. 2022.** "Soalan Lazim Dasar Monetari". Diakses pada 1 November 2022. https://www.bnm.gov.my/monetary-stability#msfaq

**Batmunkh, U. and Pfutze, T. 2022.** "Temporary Price Controls as a Second-Best Option to Control Sudden Spikes in the Prices of Basic Necessities". World Bank Research and Policy Brief No. 56. World Bank, Washington, DC.

**Boissay, F., Kohlscheen, E., Moessner, R., and Ress, D. 2021.** "Labour markets and inflation in the wake of the pandemic". Bank for International Settlements, Bulletin No. 47.

**Bonatti, L., Fracasso, A., and Tamborini, R. 2022.** "What to expect from inflation expectations: Theory, empirics and policy issues". European Parliament, Monetary Dialogue Papers.

**Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021.** Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Ekonomi Dalam Negeri". Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021 Buletin 2021 Siri 2.

**Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022a.** "Jadual Input-Output Malaysia, 2019 & 2020". Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022b.** "Statistik Perdagangan Luar Bulanan, Malaysia, September 2022". Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022c.** "Indeks Harga Pengguna, Malaysia, September 2022". Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Gencer, D., and Akcura, E. 2022.** "Amid Energy Price Shocks, Five Lessons to Remember on Energy Subsidies". World Bank Blog, Sustainable Energy for All. Accessed 7 November 2022. https://blogs.worldbank.org/energy/

**Goel, T. and Tsatsaronis, K. 2022.** "Anchoring of inflation expectations: Has past progress paid off?". Bank for International Settlements, Bulletin No. 51.

**Humpage, O. F. 2008.** "Rising Relative Prices or Inflation: Why Knowing the Difference Matters". Federal Reserve Bank of Cleveland, Economic Commentary, June.

**Igan, D., Kohlscheen, E., Nodari, G., and Rees, D. 2022.** "Commodity market disruptions, growth and inflation". Bank for International Settlements, Bulletin No. 54.

**Kementerian Kewangan Malaysia. 2022.** "Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2023". Kementerian Kewangan Malaysia, Bajet 2023.

**Poole, W. 2005.** "President's Message: Volcker's Handling of the Great Inflation Taught Us Much". Federal Reserve Bank of St. Louis, Regional Economist Publications.

**Tenaga Nasional Berhad (TNB). 2022.** "FAQ, ICPT – BM". Diakses 20 Oktober 2022. https://www.tnb.com.my/faq/icpt-bm/

**World Bank Group. 2022.** "Commodity Markets Outlook: Pandemic, war, recession: Drivers of aluminum and copper prices". World Bank, Washington, DC., October 2022.

# Perkembangan Monetari dan Kewangan

## Sorotan

- Pada suku ketiga tahun 2022, keadaan pasaran kewangan domestik terus menjadi ketat berikutan kadar hasil bon yang lebih tinggi.
- Berikutan dolar AS yang semakin kukuh, penyusutan nilai ringgit sejajar dengan mata wang serantau lain.
- Kadar faedah meningkat pada suku ketiga susulan kenaikan OPR.
- Pembiayaan bersih terus berkembang berikutan pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi.

### Kadar hasil bon menaik

Pada suku ketiga tahun 2022, keadaan kewangan global menjadi semakin ketat apabila bank-bank pusat utama terus memperketat dasar monetari mereka bagi menangani risiko daripada tekanan inflasi yang tinggi dan berlarutan. Kesannya, kadar hasil bon global meningkat lebih tinggi pada suku itu, manakala ekuiti global terus menurun. Kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global yang semakin lemah dan ketegangan geopolitik juga menyebabkan pelabur cenderung kepada bentuk aset kewangan yang secara relatif lebih selamat. Hal ini seterusnya menyumbang kepada dolar AS yang lebih kukuh. Dari segi aliran modal bukan pemastautin di Malaysia, terdapat perbezaan antara pasaran bon dengan ekuiti, iaitu aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran bon manakala portfolio bukan pemastautin mencatatkan aliran masuk ke dalam pasaran ekuiti.

**R19** Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia




Sumber: Bank Negara Malaysia dan ETP, Bursa Malaysia Bonds

Perbezaan ini menunjukkan peranan faktor luaran yang lebih berpengaruh bagi memacu perkembangan pasaran bon manakala pasaran ekuiti domestik pula disokong oleh faktor dalam negeri seperti prospek ekonomi yang positif.

Di Malaysia, kadar hasil bon domestik meningkat pada suku tersebut. Kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 26.0, 8.0 dan 15.0 mata asas. Kenaikan kadar hasil juga sebahagiannya mencerminkan kesan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada bulan Julai dan September. Walau bagaimanapun, pelarasan menaik dalam kadar hasil bon adalah pada magnitud yang lebih kecil berbanding dengan suku sebelumnya disebabkan oleh aliran keluar bon bukan pemastautin yang lebih rendah.

## Penyusutan nilai ringgit didorong oleh dolar AS yang semakin kukuh

Berikutan dolar AS yang semakin kukuh, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.9% (S2 2022: -4.6%), sejajar dengan pergerakan mata wang serantau pada suku tersebut (purata serantau S3 2022: -5.5%). Tambahan lagi, nilai yuan China yang semakin lemah turut menjejaskan nilai ringgit berikutan hubungan perdagangan yang rapat antara Malaysia dengan China.

**R20** **Prestasi Indeks Dolar AS dan Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS**




Sumber: Bank Negara Malaysia

## Kadar faedah meningkat pada suku ketiga susulan kenaikan OPR

Kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit terus meningkat pada suku ketiga berikutan dua kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas setiap kali pada 6 Julai 2022 dan 8 September 2022. Magnitud pelarasan dalam pasaran antara bank sejurus selepas mesyuarat MPC pada bulan Julai adalah kurang daripada kuantum sebenar kenaikan OPR disebabkan pelarasan harga separa oleh peserta pasaran. Walau bagaimanapun, sejak pelarasan OPR, KLIBOR terus meningkat, terutamanya bagi tempoh yang lebih panjang berikutan jangkaan pasaran tentang kenaikan selanjutnya dalam OPR.

Bagi suku itu, KLIBOR 1 bulan dan 3 bulan masing-masing meningkat sebanyak 46 dan 68 mata asas untuk mengakhiri tempoh tersebut pada 2.67% dan 3.06% (S2 2022: 2.21% dan 2.38%).

Dalam pasaran runcit, kadar pemberian pinjaman dan deposit juga bertindak balas terhadap kenaikan OPR. Kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 50 mata asas manakala kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal meningkat antara 44 hingga 49 mata asas merentas tempoh 1 hingga 12 bulan. Kadar FD sebenar[6] juga meningkat tetapi pada tahap yang lebih rendah, berikutan jangkaan inflasi yang lebih tinggi.

### R21 Kadar Faedah (pada akhir tempoh)




Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Consensus Economics

[6] Kadar deposit benar dikira dengan mengambil perbezaan antara kadar deposit tetap nominal dengan jangkaan inflasi. Jangkaan inflasi diukur sebagai kadar jangkaan purata inflasi bagi tempoh 12 bulan yang akan datang (berdasarkan data daripada *Consensus Economics*). Pengukuran ini dianggarkan melalui kadar purata unjuran bagi kalendar tahun semasa dan kalendar bagi tahun hadapan, dengan wajaran diberikan mengikut bahagian mereka dalam tempoh unjuran 12 bulan tersebut. Kaedah pengukuran ini sebanding dengan penggunaan unjuran berdasarkan tempoh tetap seperti yang terdapat dalam penulisan akademik, termasuk oleh Dovern et al. (2012) dan Siklos (2013).

## Mudah tunai sistem perbankan terus mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem untuk memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Tahap mudah tunai terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia berkurang sedikit berikutan aliran keluar portfolio pada suku ketiga. Pada peringkat institusi, hampir semua bank mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai di Bank Negara Malaysia pada akhir bulan September 2022.

### R22 Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)




Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pembiayaan bersih terus berkembang berikutan pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi

Pada akhir suku ketiga tahun 2022, pembiayaan bersih meningkat sebanyak 5.4% (S2 2022: 4.9%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul[7] yang lebih tinggi (6.1%; S2 2022: 5.4%), didorong oleh segmen isi rumah. Sementara itu, pertumbuhan dalam bon korporat terkumpul[8] kekal pada 3.5% (S2 2022: 3.4%).

Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul adalah pada 5.0% berikutan pertumbuhan dalam bayaran balik pinjaman yang mengatasi pengeluaran pinjaman,[9] khususnya dalam segmen bukan PKS. Mengikut tujuan, pembiayaan modal kerja terus menjadi pemacu utama pertumbuhan kredit. Pertumbuhan bayaran balik pinjaman adalah tinggi merentas kebanyakan sektor. Permohonan pinjaman kekal menggalakkan bagi kebanyakan tujuan pinjaman dan segmen perniagaan. Hal ini mencerminkan permintaan terhadap pembiayaan yang berterusan untuk menyokong aktiviti perniagaan.

Bagi isi rumah, pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 6.2% disebabkan oleh pertumbuhan tinggi dalam pengeluaran pinjaman kepada isi rumah untuk pembelian rumah dan kereta. Hal ini mencerminkan permintaan terhadap pinjaman yang berterusan, meskipun langkah-langkah tertentu seperti pelepasan cukai jualan ke atas kenderaan baharu telah berakhir. Di samping itu, keupayaan isi rumah untuk membayar balik pinjaman kekal mampan, dengan pertumbuhan yang tinggi dalam bayaran balik pinjaman. Hal ini dapat diperhatikan terutamanya apabila kebanyakan bayaran balik pinjaman telah disambung semula sepenuhnya pada suku tersebut berikutan berakhirnya program bantuan bayaran balik pinjaman secara beransur-ansur.

### R23 Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih

**Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)**




* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
Nota: Data pinjaman terkumpul mulai S3 2022 adalah berdasarkan data pinjaman/pembiayaan baharu yang mencerminkan keperluan terkini.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nota: Data pembiayaan mulai suku ketiga tahun 2022 adalah berdasarkan set data pinjaman/pembiayaan baharu yang mencerminkan keperluan terkini dan tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan data suku-suku terdahulu.

[7] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[8] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[9] Kebanyakan sektor secara amnya mencatatkan pertumbuhan dua angka yang tinggi dalam pengeluaran pinjaman dan bayaran balik pinjaman pada suku tersebut kecuali sektor berkaitan komoditi.

*Halaman sengaja dikosongkan.*

# Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

## Sorotan

- Pada mesyuarat bulan September dan November 2022, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) membuat keputusan untuk terus mengurangkan tahap akomodasi monetari dengan menaikkan OPR kepada 2.75%.
- MPC tidak membuat sebarang ketetapan awal dan akan terus menilai keadaan yang berubah-ubah serta kesannya terhadap prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

### Dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi

Berikutan keputusan MPC untuk mula melaraskan tahap akomodasi monetari pada mesyuarat bulan Mei 2022, MPC terus membuat pelarasan selanjutnya terhadap tahap akomodasi monetari dengan menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas pada kedua-dua mesyuarat bulan September dan November 2022 kepada 2.75%.

Pada mesyuarat MPC bulan November, MPC menilai bahawa ekonomi global terus terjejas akibat tekanan kos yang semakin meningkat, keadaan kewangan global yang lebih ketat serta langkah-langkah pembendungan yang ketat di China. Kesan faktor-faktor ini melebihi kesan sokongan daripada keadaan pasaran pekerja yang positif serta pembukaan semula sepenuhnya kebanyakan ekonomi dan sempadan antarabangsa. Tekanan inflasi berlarutan lebih lama daripada jangkaan disebabkan oleh permintaan yang kukuh, pasaran pekerja yang ketat serta harga komoditi yang tinggi meskipun keadaan rantaian bekalan global yang bertambah baik. Kesannya, banyak bank pusat dijangka terus menaikkan kadar faedah bagi menguruskan tekanan inflasi. Khususnya, pelarasan kadar faedah AS yang terus agresif dan jangkaan kadar penamat *(terminal rate)* yang lebih tinggi di AS telah menyumbang kepada persekitaran dolar AS yang terus kukuh. Hal ini telah menyebabkan volatiliti yang lebih ketara dalam pasaran kewangan, lantas memberikan kesan terhadap mata wang pasaran utama dan pasaran sedang pesat membangun lain termasuk ringgit. Pada masa hadapan, prospek pertumbuhan global akan terus menghadapi rintangan daripada keadaan kewangan yang lebih ketat berikutan inflasi yang lebih tinggi di ekonomi utama serta cabaran-cabaran dalam negeri di China. Prospek pertumbuhan bergantung

pada risiko pertumbuhan terus menjadi lebih perlahan, termasuk ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, rintangan dalam negeri di China yang semakin buruk dan kemungkinan catuan tenaga di Eropah.

Bagi ekonomi Malaysia, penunjuk terkini yang tersedia menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi terus bertambah kukuh pada suku ketiga tahun 2022, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang teguh. Pada masa hadapan, permintaan dalam negeri akan terus menjadi pendorong utama pertumbuhan meskipun persekitaran global mencabar. Perbelanjaan isi rumah akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja dan prospek pendapatan yang bertambah baik. Ketibaan pelancong telah meningkat susulan pembukaan semula sempadan antarabangsa dan akan mengukuhkan lagi sektor berkaitan pelancongan. Aktiviti dan prospek pelaburan akan disokong oleh pelaksanaan projek berbilang tahun. Walau bagaimanapun, permintaan luaran dijangka sederhana berikutan pertumbuhan global yang semakin perlahan. Meskipun terdapat episod volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan global dan pertukaran asing, perkembangan ini dijangka tidak akan menjejaskan pertumbuhan Malaysia. Keadaan mudah tunai domestik terus mencukupi, dengan pasaran kewangan dan pasaran pertukaran asing terus berfungsi dengan teratur. Institusi kewangan juga terus beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh. Hal ini akan memastikan pengantaraan kewangan terus menyokong ekonomi. Risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri menjadi perlahan terus berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, aktiviti penghindaran risiko yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan global berikutan dasar monetari yang lebih ketat secara agresif di ekonomi utama, konflik geopolitik yang semakin meruncing dan gangguan rantaian bekalan yang semakin teruk.

Setakat pada mesyuarat MPC bulan November, inflasi keseluruhan dinilai mungkin berada pada tahap tertinggi pada suku ketiga 2022 dan dijangka akan menjadi sederhana, meskipun kekal pada tahap tinggi. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, diunjurkan untuk berpurata lebih hampir kepada tahap tinggi dalam julat unjuran 2.0% hingga 3.0% pada tahun 2022, setelah berpurata 2.7% sejak awal tahun sehingga kini, berikutan wujudnya sedikit tekanan yang didorong oleh permintaan dalam keadaan kos yang tinggi. Menjelang tahun 2023, inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal tinggi berikutan tekanan permintaan dan kos. Perubahan pada langkah-langkah dasar dalam negeri seperti subsidi dan kawalan harga juga boleh mempengaruhi tahap inflasi. Kesan tekanan inflasi menjadi lebih tinggi sebahagiannya akan terus dibendung oleh kawalan harga yang sedia ada, subsidi dan lebihan kapasiti yang masih wujud dalam ekonomi. Imbangan risiko terhadap prospek inflasi pada tahun 2023 cenderung ke arah inflasi menjadi lebih tinggi. Langkah-langkah dasar dalam negeri mengenai subsidi, perkembangan harga komoditi global yang berpunca terutamanya daripada konflik ketenteraan yang berterusan di Ukraine dan gangguan berkaitan bekalan yang berlarutan merupakan faktor risiko utama.

Berlatarkan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang terus positif, MPC mengambil keputusan untuk membuat pelarasan selanjutnya terhadap tahap akomodasi monetari. Pelarasan ini juga akan menguruskan risiko tekanan permintaan terhadap harga yang berlebihan secara lebih awal. Keputusan ini selaras dengan penyesuaian semula penetapan dasar monetari yang mengimbangi risiko terhadap inflasi dan pertumbuhan dalam negeri yang mampan. Pada kadar OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi. MPC tidak membuat sebarang ketetapan awal dan akan terus menilai keadaan yang berubah-ubah serta kesannya terhadap prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Sebarang pelarasan pada penetapan dasar monetari pada masa hadapan akan terus dilaksanakan secara terkawal dan beransur-ansur bagi memastikan dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran harga yang stabil.

# Tinjauan Makroekonomi

## Sorotan

- Pertumbuhan global dijangka perlahan menjelang tahun 2023.
- Ekonomi Malaysia akan terus berkembang, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri.
- Inflasi keseluruhan mungkin telah mencapai tahap tertinggi pada S3 2022 dan dijangka sederhana pada S4 2022.

### Pertumbuhan global lebih perlahan pada tahun 2023 berikutan pelbagai rintangan

Pertumbuhan global dijangka perlahan menjelang tahun 2023. Kesan pemulihan berikutan pembukaan semula ekonomi akan berkurang dan pertumbuhan mungkin akan terjejas akibat keadaan kewangan global yang lebih ketat dan inflasi yang tinggi. Bank-bank pusat, terutamanya dalam ekonomi maju, telah mempercepat kadar pelarasan dasar monetari untuk mengurangkan inflasi. Tindakan ini telah menyebabkan kesan limpahan yang ketara terhadap ekonomi sedang pesat membangun menerusi nilai mata wang yang semakin lemah, keadaan kewangan yang lebih ketat dan eksport yang lebih perlahan. Walaupun inflasi dijangka reda pada tahun 2023, kadar inflasi mungkin terus melebihi purata berikutan harga komoditi yang tinggi dan pasaran pekerja yang ketat. Tekanan inflasi di Eropah mungkin diburukkan lagi oleh kekurangan bekalan gas dan harga tenaga yang lebih tinggi. Keadaan ini akan menjejaskan perbelanjaan pengguna dan pengeluaran industri. Rintangan ini mungkin mengatasi peningkatan susulan keadaan rantaian bekalan yang semakin baik serta pertumbuhan yang lebih tinggi di China berikutan tamatnya sekatan pergerakan yang menyeluruh di beberapa bandar.

Imbangan risiko terhadap pertumbuhan global kekal cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Risiko-risiko ini berpunca daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing atau dasar monetari yang diperketat secara lebih agresif bagi menangani inflasi yang berlarutan.

Selain itu, risiko khusus sesebuah negara terus wujud di China dan Eropah, termasuk risiko sekatan pergerakan yang ketat dan kemerosotan pasaran harta tanah yang lebih ketara di China serta catuan tenaga di Eropah. Sebaliknya, risiko pertumbuhan global menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada dasar sifar COVID-19 China yang dilonggarkan lebih awal daripada jangkaan serta pengurangan inflasi yang lebih cepat daripada jangkaan apabila tekanan dari segi penawaran mereda.

## Ekonomi Malaysia akan didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang

Pada masa hadapan, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang. Ekonomi akan mendapat manfaat daripada keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, pelaksanaan projek berbilang tahun dan peningkatan aktiviti pelancongan ke dalam negeri. Walaupun permintaan luaran dijangka sederhana, keadaan ini sebahagiannya akan ditampung oleh asas eksport Malaysia yang pelbagai.

Imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan Malaysia kekal cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Hal ini berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, konflik geopolitik yang semakin meruncing dan gangguan rantaian bekalan yang semakin teruk.

## Inflasi keseluruhan diunjurkan sederhana meskipun kekal tinggi pada S4 2022

Selepas mencatatkan trend menaik kepada purata 4.5% pada suku ketiga tahun 2022, inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada suku keempat tahun 2022 meskipun kekal tinggi. Kesan asas daripada diskaun bil elektrik yang telah menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi pada suku ketiga tahun 2022 akan luput pada suku keempat tahun 2022[16]. Secara keseluruhan, inflasi keseluruhan dijangka berpurata 3.3% pada tahun 2022[17]. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka kekal tinggi untuk baki tahun 2022 berikutan permintaan yang kukuh dan keadaan persekitaran kos yang tinggi.

Menjelang tahun 2023, inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal tinggi berikutan tekanan permintaan dan kos, serta apa-apa perubahan pada langkah-langkah dasar dalam negeri. Kesan tekanan inflasi menjadi lebih tinggi juga sebahagiannya akan terus dibendung oleh kawalan harga yang sedia ada, subsidi dan lebihan kapasiti yang masih wujud dalam ekonomi. Imbangan risiko terhadap prospek inflasi pada tahun 2023 cenderung ke arah inflasi menjadi lebih tinggi dan terus bergantung pada langkah-langkah dasar dalam negeri mengenai subsidi serta perkembangan harga komoditi global yang berpunca terutamanya daripada konflik ketenteraan yang berterusan di Ukraine dan gangguan berkaitan bekalan yang berlarutan.

[16] Diskaun bil elektrik telah dilaksanakan pada S3 2021 menerusi skim Diskaun Bil Elektrik PEMULIH.
[17] Sumber: Tinjauan Ekonomi 2023, Kementerian Kewangan Malaysia.

# Tambahan

## J1 KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

| | Bahagian 2021 (%) | 2021 | | 2022 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok) | 92.7 | -4.2 | 1.9 | 4.4 | 13.0 | 13.1 |
| Sektor swasta | 74.4 | -4.4 | 2.5 | 4.4 | 15.4 | 14.7 |
| *Penggunaan* | *58.8* | *-4.2* | *3.7* | *5.5* | *18.3* | *15.1* |
| *Pelaburan* | *15.6* | *-4.9* | *-2.8* | *0.4* | *6.3* | *13.2* |
| Sektor awam | 18.3 | -3.5 | 0.1 | 4.8 | 2.8 | 6.3 |
| *Penggunaan* | *13.8* | *7.1* | *1.6* | *6.7* | *2.6* | *4.5* |
| *Pelaburan* | *4.5* | *-28.9* | *-3.4* | *-0.9* | *3.2* | *13.1* |
| Eksport Bersih | 6.0 | -39.9 | 0.8 | -26.5 | -28.7 | 18.7 |
| *Eksport Barangan dan Perkhidmatan* | *69.1* | *4.2* | *13.0* | *8.0* | *10.4* | *23.9* |
| *Import Barangan dan Perkhidmatan* | *63.1* | *11.4* | *14.5* | *11.1* | *14.0* | *24.4* |
| **KDNK Benar** | **100.0** | **-4.5** | **3.6** | **5.0** | **8.9** | **14.2** |
| **KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)** | **-** | **-2.7** | **4.6** | **3.8** | **3.5** | **1.9** |

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## J2 KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

| | Bahagian 2021 (%) | 2021 | | 2022 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Perkhidmatan | 57.0 | -4.9 | 3.2 | 6.5 | 12.0 | 16.7 |
| Perkilangan | 24.3 | -0.8 | 9.1 | 6.6 | 9.2 | 13.2 |
| Pertanian | 7.1 | -2.0 | 2.8 | 0.1 | -2.4 | 1.2 |
| Perlombongan | 6.7 | -3.2 | -0.6 | -1.1 | -0.5 | 9.2 |
| Pembinaan | 3.7 | -20.6 | -12.3 | -6.2 | 2.4 | 15.3 |
| **KDNK Benar** | **100.0** | **-4.5** | **3.6** | **5.0** | **8.9** | **14.2** |

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## J3 Imbangan Pembayaran[1]

| | 2021 | | 2022 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | RM bilion | | | | |
| **Akaun Semasa** | **18.2** | **15.3** | **3.0** | **4.4** | **14.1** |
| (% daripada KDNK) | *4.8* | *3.6* | *0.7* | *1.0* | *3.1* |
| Barangan | 41.5 | 51.8 | 40.5 | 34.0 | 43.0 |
| Perkhidmatan | -15.3 | -15.4 | -15.0 | -12.3 | -9.6 |
| Pendapatan primer | -4.8 | -19.6 | -20.1 | -14.7 | -17.2 |
| Pendapatan sekunder | -3.1 | -1.4 | -2.5 | -2.6 | -2.1 |
| **Akaun Kewangan** | **-0.2** | **0.7** | **30.4** | **0.2** | **-14.9** |
| Pelaburan langsung | 8.0 | 10.5 | 20.8 | 2.6 | 2.0 |
| Aset | -15.3 | -17.2 | 9.1 | -17.0 | -17.9 |
| Liabiliti | 23.3 | 27.7 | 11.7 | 19.6 | 19.9 |
| Pelaburan portfolio | -3.7 | 2.6 | -10.1 | -14.7 | 0.1 |
| Aset | -4.9 | -6.1 | -13.9 | -4.4 | 2.6 |
| Liabiliti | 1.2 | 8.7 | 3.8 | -10.3 | -2.5 |
| Derivatif kewangan | 0.7 | -1.8 | 0.2 | -0.2 | -0.4 |
| Pelaburan lain | -5.2 | -10.6 | 19.6 | 12.5 | -16.6 |
| Kesilapan dan ketinggalan bersih[2] | **3.4** | **-13.1** | **-20.6** | **0.3** | **14.1** |
| **Imbangan Keseluruhan** | **21.3** | **2.6** | **12.8** | **4.9** | **13.1** |

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

## J4 Hutang Luar Negeri Terkumpul

| | 2021 | 2022 | |
|---|---|---|---|
| | akhir Sep | akhir Jun | akhir Sep |
| | RM bilion | | |
| **Jumlah hutang luar negeri** | **1,062.7** | **1,128.3** | **1,169.4** |
| *Bersamaan USD bilion* | *253.7* | *256.2* | *252.2* |
| **Mengikut instrumen** | | | |
| Bon dan nota[1] | 200.3 | 191.9 | 194.7 |
| Peminjaman antara bank[1] | 176.1 | 204.6 | 221.3 |
| Pinjaman antara syarikat berkaitan[1] | 140.5 | 150.9 | 155.7 |
| Pinjaman[1] | 75.4 | 73.0 | 75.0 |
| Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin | 248.9 | 252.7 | 254.3 |
| Deposit bukan pemastautin | 96.4 | 106.9 | 111.4 |
| Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF | 28.6 | 28.3 | 28.6 |
| Lain-lain[2] | 96.5 | 119.8 | 128.4 |
| **Profil tempoh matang** | | | |
| Jangka sederhana dan panjang | 666.2 | 677.5 | 684.2 |
| Jangka pendek | 396.5 | 450.8 | 485.2 |
| **Denominasi mata wang** | | | |
| Ringgit | 367.2 | 377.7 | 377.0 |
| Asing | 695.5 | 750.6 | 792.4 |
| Jumlah hutang / KDNK (%) | 68.8 | 67.7 | 67.0 |
| Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%) | 37.3 | 40.0 | 41.5 |
| Rizab / Hutang jangka pendek (kali) | 1.2 | 1.1 | 1.0[3] |

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2022.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

## J5 Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

| | 2021 | 2022 | | | 2021 | 2022 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S4 | S1 | S2 | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | Perubahan dalam tempoh (RM bilion) | | | | Perubahan tahunan (%) | | | |
| **Jumlah pembiayaan bersih** | **48.4** | **30.0** | **26.6** | **44.6** | **4.7** | **4.5** | **4.9** | **5.4** |
| Terkumpul: | | | | | | | | |
| Pinjaman[1,2] | 38.3 | 25.8 | 26.7 | 33.6 | 4.4 | 4.4 | 5.4 | 6.1 |
| Perusahaan perniagaan | 11.2 | 12.1 | 11.5 | -0.4 | 4.8 | 4.3 | 5.5 | 5.0 |
| PKS | 9.6 | 3.7 | 4.1 | 4.7 | 4.9 | 6.0 | 7.5 | 6.5 |
| Bukan PKS | 1.7 | 8.5 | 7.6 | -5.0 | 4.7 | 2.9 | 3.9 | 3.7 |
| Isi rumah | 27.3 | 14.6 | 14.7 | 19.2 | 4.2 | 4.8 | 5.7 | 6.2 |
| Bon korporat[3] | 10.1 | 4.2 | -0.1 | 11.0 | 5.4 | 4.6 | 3.4 | 3.5 |

[1] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
[3] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

Nota: Data perubahan tahunan sebelum S3 2022 adalah berdasarkan set data pinjaman/pembiayaan terdahulu, dan tidak boleh dibandingkan dengan data S3 2022 dan suku-suku seterusnya. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

## J6 Penunjuk Pinjaman

| | 2021 | 2022 | | | 2022 |
|---|---|---|---|---|---|
| | S4 | S1 | S2 | S3 | S3 |
| | Dalam tempoh (RM bilion) | | | | Perubahan tahunan (%) |
| **Jumlah** | | | | | |
| Permohonan pinjaman[1] | 350.3 | 325.4 | 369.7 | 409.1 | 52.3 |
| Kelulusan pinjaman[1] | 167.7 | 145.9 | 192.6 | 224.0 | 63.4 |
| Pengeluaran pinjaman[1] | 571.2 | 557.1 | 601.0 | 602.6 | 24.4 |
| Bayaran balik pinjaman[1] | 550.3 | 555.0 | 605.3 | 603.8 | 25.6 |
| **Antaranya:** | | | | | |
| **Perusahaan perniagaan[2]** | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 123.7 | 119.2 | 143.7 | 180.8 | 47.5 |
| Kelulusan pinjaman | 73.8 | 59.3 | 92.4 | 119.6 | 49.0 |
| Pengeluaran pinjaman | 460.6 | 448.4 | 491.1 | 484.9 | 19.8 |
| Bayaran balik pinjaman | 454.9 | 448.1 | 496.3 | 490.8 | 23.2 |
| **PKS** | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 66.8 | 61.8 | 75.8 | 84.8 | 47.4 |
| Kelulusan pinjaman | 31.4 | 30.0 | 38.8 | 48.6 | 44.9 |
| Pengeluaran pinjaman | 114.6 | 119.6 | 126.5 | 127.4 | 34.6 |
| Bayaran balik pinjaman | 109.1 | 116.2 | 124.9 | 126.6 | 35.1 |
| **Bukan PKS** | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 44.0 | 41.8 | 56.2 | 85.3 | 51.6 |
| Kelulusan pinjaman | 32.6 | 23.5 | 36.9 | 62.7 | 56.3 |
| Pengeluaran pinjaman | 257.9 | 245.8 | 278.9 | 255.4 | 14.2 |
| Bayaran balik pinjaman | 256.3 | 250.0 | 284.0 | 272.8 | 23.0 |
| **Isi Rumah** | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 226.6 | 206.2 | 226.0 | 228.3 | 56.3 |
| Kelulusan pinjaman | 93.9 | 86.6 | 100.2 | 104.4 | 83.9 |
| Pengeluaran pinjaman | 110.7 | 108.7 | 109.9 | 117.7 | 48.1 |
| Bayaran balik pinjaman | 95.4 | 106.9 | 109.0 | 113.0 | 37.6 |

[1] Pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Angka-angka bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi angka-angka bagi perusahaan perniagaan. Hal ini kerana institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain, entiti asing dan firma/syarikat dengan saiz yang tidak diketahui juga diambil kira di bawah perusahaan perniagaan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

## J7 Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

| | 2021 | | 2022 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3[a] |
| Pulangan atas ekuiti (%)[1] | 9.4 | 9.5 | 10.9 | 11.8 | 12.4 |
| Pulangan atas aset (%)[1] | 1.1 | 1.1 | 1.2 | 1.3 | 1.4 |
| | RM juta | | | | |
| Pendapatan faedah bersih | 13,711 | 14,681 | 14,794 | 15,482 | 16,280 |
| Campur: Pendapatan berasaskan fi | 2,861 | 3,119 | 2,922 | 2,832 | 2,922 |
| Tolak: Kos operasi[2] | 8,776 | 9,393 | 8,907 | 9,229 | 9,945 |
| Keuntungan operasi kasar | 7,796 | 8,407 | 8,809 | 9,085 | 9,257 |
| Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain | 2,689 | 2,064 | 1,196 | 905 | 1,512 |
| Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan | 5,107 | 6,344 | 7,613 | 8,179 | 7,745 |
| Campur: Pendapatan lain[1] | 2,677 | 2,394 | 2,008 | 3,088 | 4,554 |
| **Untung sebelum cukai[1]** | **7,784** | **8,737** | **9,621** | **11,267** | **12,299** |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)[1] | 0.3 | 1.1 | 2.6 | 2.2 | 3.0 |
| Pulangan atas aset (mata peratusan)[1] | 0.02 | 0.11 | 0.27 | 0.20 | 0.30 |
| Pendapatan faedah bersih | 0.5 | 5.6 | 4.4 | 5.8 | 18.7 |
| Campur: Pendapatan berasaskan fi | 0.3 | -1.1 | -8.4 | -1.7 | 2.1 |
| Tolak: Kos operasi[2] | 3.7 | 6.4 | -22.2 | 2.6 | 13.3 |
| Keuntungan operasi kasar | -2.9 | 2.2 | 48.8 | 6.7 | 18.7 |
| Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain | -17.9 | -65.2 | -22.5 | -58.0 | -43.8 |
| Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan | 7.4 | 175.9 | 73.9 | 28.7 | 51.6 |
| Campur: Pendapatan lain[1] | -25.5 | -23.9 | -26.2 | -4.4 | 70.1 |
| **Untung sebelum cukai[1]** | **-6.8** | **60.5** | **35.5** | **17.5** | **58.0** |

[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat telah diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.

[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.

[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

*a* Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## J8 Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

| | 2021 | | 2022 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3[a] |
| | RM juta | | | | |
| **Insurans Hayat & Takaful Keluarga** | | | | | |
| Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1] | 2,157 | 1,048 | 1,866 | -4,139 | 497 |
| **Insurans Am & Takaful Am** | | | | | |
| Keuntungan operasi | 928 | 354 | 258 | 754 | 953 |
| Nisbah tuntutan (%) | 52 | 61 | 63 | 65 | 52 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Insurans Hayat & Takaful Keluarga** | | | | | |
| Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1] | -46.2 | -75.9 | 184.3 | -223.2 | -77.0 |
| **Insurans Am & Takaful Am** | | | | | |
| Keuntungan operasi | 21.5 | -61.3 | -63.6 | -30.0 | 2.8 |
| Nisbah tuntutan (mata peratusan) | -3.8 | 8.3 | 8.6 | 13.8 | 0.0 |

[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

*a* Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## J9 Kewangan Kerajaan Persekutuan[1]

| | 2021 | | 2022[a] | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | RM bilion | | | | |
| Hasil | 51.5 | 75.9 | 62.7 | 61.6 | 83.3 |
| *Pertumbuhan tahunan (%)* | *11.0* | *-1.4* | *26.6* | *8.3* | *61.7* |
| Perbelanjaan mengurus | 50.7 | 63.4 | 64.6 | 65.2 | 69.2 |
| *Pertumbuhan tahunan (%)* | *-11.0* | *18.1* | *3.8* | *18.2* | *36.5* |
| **Imbangan semasa** | **0.8** | **12.5** | **-1.9** | **-3.6** | **14.1** |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 22.1 | 13.3 | 16.6 | 13.4 | 14.7 |
| *Pertumbuhan tahunan (%)* | *82.6* | *-34.3* | *8.7* | *6.3* | *-33.5* |
| Kumpulan Wang COVID-19[2] | 5.0 | 14.3 | 5.4 | 4.1 | 5.6 |
| **Imbangan keseluruhan** | **-26.3** | **-15.1** | **-23.9** | **-21.1** | **-6.2** |
| **Memo:** | | | | | |
| Jumlah perbelanjaan bersih | 77.8 | 91.0 | 86.6 | 82.7 | 89.5 |
| *Pertumbuhan tahunan (%)* | *5.1* | *8.0* | *0.0* | *7.2* | *15.0* |
| Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh) | 969.3 | 979.8 | 1005.8 | 1045.0 | 1074.8 |
| Hutang Dalam Negeri | 708.5 | 714.0 | 736.6 | 780.7 | 808.3 |
| Hutang Luar Negeri | 260.8 | 265.9 | 269.2 | 264.3 | 266.5 |
| *Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin* | *234.9* | *240.4* | *244.4* | *239.5* | *241.0* |
| *Peminjaman luar pesisir* | *26.0* | *25.5* | *24.9* | *24.8* | *25.4* |

*a* Awalan
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[2] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia